

NO. SOALAN : 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

**TARIKH JAWAPAN : 18 JUN 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab-sebab penangguhan pembentangan pelan strategik kecekapan tenaga di peringkat nasional untuk dipertimbangkan oleh kabinet sejak tahun 2011 untuk dilaksanakan memandangkan pelan tersebut dapat membantu menangani kesan-kesan kenaikan tarif elektrik akibat pengurangan subsidi tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Draf laporan Akhir Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga (*National Energy Efficiency Action Plan*, NEEAP) telah pun dimuat naik ke laman sesawang KeTTHA pada 23 Januari hingga 28 Februari 2014 bagi mendapatkan ulasan/pandangan daripada pihak *stakeholders* selama 37 hari.

2. Draf NEEAP kini sedang dikemas kini dengan mengambil kira ulasan dan pandangan *stakeholders*. Pihak Kementerian juga akan mengadakan satu sesi *engagement* dengan pihak *stakeholders* bagi memperjelas dan menerangkan isu-isu yang telah dibangkitkan mengenai kandungan NEEAP. Seterusnya, draf akhir Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) sebelum dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.
